

U GB 16-12 00180 BA073

bah

POLIS MALAYSIA BUKAN GANAS

Mahathir - polis

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Polis di Malaysia bukan ganas tetapi pengaman negara yang sentiasa berhati-hati dalam menjalankan tugas, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, amatlah tidak adil bagi rakyat mencela dan mempermain-mainkan pengorbanan polis dalam menjaga keamanan negara kerana iaseolah-olah menunjukkan mereka tidak menghargai khidmat dan jasa pasukan itu.

+Memanglah Malaysia ini selamat tetapi kemungkinannya tidak selamat adalah besar kalau kita tidak mempunyai pasukan polis yang bertanggungjawab, +katanya pada Majlis Penganugerahan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini sempena perayaan Hari Polis ke-184.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata walaupun anggota polis di negara ini diberikan senjata dan mempunyai kuasa menggunakannya, mereka tidak berbuat demikian melainkan dalam keadaan tertentu apabila nyawa mereka terancam ketika bertugas.

Sebaliknya, di sesetengah negara, anggota-anggota tentera dan polis menggunakan senjata mereka dengan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira kesannya walaupun mengakibatkan banyak rakyat yang mati, katanya. -- Lagi.

▼16/12/19-04MST

U GB 16-12 00159 BA075

bah

Mahathir - Polis 2 Kuala Lumpur

Beliau memberikan contoh keadaan di Israel. Di sana anggota polis dan tentera sanggup menembak mati orang yang menyerang mereka walaupun penyerang itu hanya menggunakan batu.

+Di Malaysia, walaupun kadang-kala pihak polis terpaksa menghadapi tunjuk perasaan tetapi mereka berhati-hati dan tidak menggunakan senjata dengan mudah, t katanya.

Kalaupun terpaksa, anggota polis hanya menggunakan gas pemedih mata dan kadang-kala rotan untuk menyuraikan tunjuk perasaan, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menyebut satu kejadian di Pantai Timur apabila anggota-anggota polis telah ditangkap dan ditahan oleh sekumpulan orang tetapi pasukan itu tetap berusaha menyelesaikan masalah secara aman.

Katanya, anggota-anggota polis sememangnya diperlukan menggunakan senjata dalam keadaan tertentu seperti ketika berperang dengan komunis atau perompak bersenjata yang mengancam nyawa mereka.

+Tidak akan berlaku peristiwa di mana polis menembak orang ramai jika orang ramai tidak menggunakan senjata yang menyebabkan kematian anggota polis, + katanya. -- Lagi.

▼16/12/19-12MST

bah

Mahathir - Polis 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata jika rakyat menganggap polis sebagai musuh dan tidak menghargai khidmat mereka, anggota-anggota pasukan itu akan berasa kecewa dan tidak sanggup menggunakan senjata api walaupun diserang dengan senjata api.

+Kalau satu pihak berbuat demikian dan dianyap satu kejayaan, pihak-pihak lain akan meniru dan menggunakan senjata untuk menyerang polis,+ katanya.

Beliau berkata huru-hara akan berlaku di negara ini jika polis tidak boleh menggunakan senjata untuk menjaga keamanan.

+Oleh kerana negara kita selamat, kita tidak memikirkan perkaraini,+ katanya. Beliau lalu menyatakan penghargaan kerajaan serta rakyat kepada pasukan keselamatan khususnya polis.

Katanya, di beberapa negara rakyat hidup dalam ketakutan dan tidak dapat bergerak bebas pada sebelah malam kerana menghadapi bahaya bukan sahaja di rumah tetapi di jalan raya.

+Saya sendiri telah melihat keadaan ini di beberapa negara yang saya lawati dan berasa bersyukur dengan keadaan aman di Malaysia,+ katanya. Lagi.

▼16/12/19-15MST

CNS8314

R GB 16-12 00196 BA081

bah

Mahathir - Polis 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata memang ada kes kecuaiian di kalangan anggota polis tetapi kes-kes itu hanyalah melibatkan sebilangan kecil manakala yang lain menjalankan tugas mereka dengan sempurna dan penuh bertanggungjawab.

Ketika diminta pemberita kemudian supaya menghuraikan ucapannya, sama ada beliau merujuk kepada tindakan Pas menganjurkan perhimpunan di Memali apabila menyatakan rakyat tidak seharusnya menidakkan pengorbanan polis, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau hanya mahu mengingatkan rakyat supaya bersyukur dengan khidmat polis.

+Kita harus menghargai polis dan tidak membuat sesuatu untuk membunuh mereka, lebih-lebih lagi kita tidak harus merayakan kematian pegawai-pegawai polis seolah-olah kematian mereka tidak ada harga sama sekali kepada kita,+ katanya.

Katanya, banyak anggota polis terkorban atau cedera ketika menentang komunis dahulu dan menurutnya, perletakan senjata pengganas komunis dua tahun lepas merupakan satu kejayaan besar yang kadang-kadang tidak dihargai sesetengah rakyat.

Ketua Polis Negara Tan Sri Haniff Omar, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob dan Timbalan Menteri Pendidikan, Dr Leo Michael Toyad hadir pada majlis itu untuk memberikan penghargaan kepada anak-anak anggota polis yang berjaya dalam pelajaran serta keluarga-keluarga polis bahagia. -- Bernama.

▼16/12/19-32MST